

Pengumuman Keluar Dari UMNO
CheDet.co.cc
May 19, 2008
By Dr. Mahathir Mohamad

Hari ini, Mei 19, 2008 saya mengumumkan keputusan saya untuk keluar daripada UMNO. Isteri saya turut bersama.

Keputusan ini dibuat kerana UMNO yang ada sekarang bukan lagi UMNO yang ditubuh 62 tahun dahulu yang berjuang untuk bangsa Melayu, Agama Islam dan Negara Malaysia (Malaya); UMNO yang menggagalkan Malayan Union, memperjuangkan kemerdekaan Malaya dan Malaysia dan membangunkan Malaysia sehingga menjadi Negara yang termaju di antara Negara membangun di dunia.

UMNO yang ada sekarang hanya wujud untuk menyokong Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, keluarganya dan tindakan serta dasar yang tidak secocok dengan kepentingan bangsa, agama dan negara.

Kepimpinan Dato Seri Abdullah jelas membawa kekalahan dan bencana kepada Barisan Nasional, UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan PPP. Kemenangan UMNO di Sabah dan BN di Sarawak bukan kerana kepimpinan Dato Seri Abdullah.

Saya akan jelas satu persatu dasar-dasar dan tindakan Dato Seri Abdullah yang menjadikan Kerajaan pimpinannya dan parti BN dibenci oleh ahli-ahli parti komponen sendiri.

Walaupun sebelum perisytiharan ini saya adalah ahli UMNO tetapi sebenarnya selepas saya letak jawatan sebagai Perdana Menteri saya tidak dilayan sebagai ahli UMNO.

Saya tidak dibenarkan berjumpa ahli UMNO dan ahli UMNO tidak dibenarkan hadir apa-apa perhimpunan di mana saya dijemput sebagai jurucakap atau penyampai ucapan.

Menteri-Menteri yang dahulu berada dalam Kabinet saya tidak dibenarkan atau tidak berani atau tidak mahu jumpa saya lagi.

Jemputan oleh UMNO dan bukan UMNO kepada saya diarah ditarik balik oleh Menteri Besar dan Polis.

Ramai pemimpin UMNO melepaskan kata-kata kesat kepada saya dan ada yang menyuruh saya keluar daripada UMNO walaupun mereka baru sahaja masuk UMNO. Tidak ada pemimpin UMNO yang pertahankan saya secara terbuka.

Wakil ke Perhimpunan Agung tidak dibenarkan menyuara pendapat mereka. Mulut semua orang ditutup.

Yang didengar hanyalah media arus perdana yang memuji Dato Seri Abdullah sehingga dia percaya dia begitu popular dan akan sapu bersih parti lawan dalam

pilihanraya umum ke-12.

Hasilnya ialah kekalahan yang teruk bagi Barisan Nasional. Malangnya mesej yang hendak disampaikan oleh pengundi dan penyokong BN tidak dapat difahami oleh Dato Seri Abdullah.

Dia masih berkata dia menang. Ini sukar diterima oleh orang Kedah, orang Pulau Pinang, orang Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Oleh kerana Dato Seri Abdullah buta mata dan pekak telinga dan tidak faham mesej ahli BN, oleh kerana ahli UMNO pun turut bersama, oleh kerana proses demokrasi tidak berjalan, oleh kerana UMNO yang ada sekarang bukan lagi UMNO yang ditubuhkan 62 tahun dahulu, saya berpendapat penyertaan saya sebagai ahli UMNO tidak bermakna dan tidak berguna lagi.

Justeru itu saya ingin umumkan bahawa saya sudah keluar daripada UMNO.

Saya ingin tegaskan bahawa saya bebas dan tidak menyokong mana-mana parti lawan.

Saya akan pohon untuk masuk UMNO apabila Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah berhenti daripada menjadi Presiden UMNO, Pengerusi BN dan Perdana Menteri Malaysia.

Dr Mahathir bin Mohamad (bekas ahli UMNO No 1)
Dr Siti Hasmah binti Mohd Ali (bekas ahli UMNO No 2)

24 Comments

1. *Ainaq*

April 3, 2010 at 11:26 am | [Permalink](#)

APA KATA AN WAR

Keluar Umno

post info

By Admin

Categories: Anwar

60 Comments Maka lengkaplah sudah urutan Presiden Umno yang meninggalkan parti dari era DatoTM Onn Jaafar hingga Tun Dr. Mahathir Alasan terkini adalah demi bangsa Melayu, tetapi jika PM Abdullah berundur, beliau akan menyertai Umno semula.

Arakian tambah berkecamuklah Umno. Pemimpin saling berebut dan bercakaran dan rakyat tidak terbela.

Kepada rakan dan taulan, tingkatlah amal, pastikan Parti mantap, program utuh dan agenda membela rakyat terlaksana.

Politik bukan arena sepak terajang tetapi wadah perjuangan!

ANWAR IBRAHIM

Ayam berkokok buntut bergelumang tahi. Dia dulu UMNO tidak kah dia mencetuskan perpecahan dalam UMNO ,pepecahan dan Umat Islam Malaysia,Umat Melayu

Bukan dia tak suka UMNO tapi UMNO tak suka dia.....Tersingkir or Tersungkor what ever. Lepas tu tubuh parti mata lebam!!!!

Satu lagi Hisyamuddin Rais penyokong kuat dia. Tak ada sumbangan apa pun pada rakyat sejak 1974 sehingga sekarang.....cakap cakap sahaja

2. *megat komeng*

November 29, 2008 at 6:46 pm | [Permalink](#)

salam,Tun dan keluarga

Tun, saya amat merasakan kehilangan tun dalam arena politik.Walaupun sy bukan kerabat politik namun sy cukup bersemangat dan merasa sangat bertuah kerana negara Malaysia pernah mendapat kepimpinan yang sy sifatkan sebagai cukup berdaulat di zaman Tun memimpin dulu.

Tun, saya adalah salah seorang warga malaysia yg miskin diantara jutaan rakyat miskin di Malaysia ini ingin sekali mengucapkan jutaan terimakasih pada Tun kerana pernah memberikan satu kepimpinan yang betul betul kaw, sehingga sy tak terasa bahawa sy seorang yg miskin di bumi

Malaysia.Pekerjaan sy adalah sebagai pemandu pelancung.sy mula menjadi pemandu pelancung pada tahun terakhir Tun jadi perdana menteri Malaysia.Di zaman tun sy amat bangga membawa pelancong asing mau pun pelancung dlm negeri sewaktu kunjungan mereka ke negeri sy. Tapi sekarang sy agak terasa(tersinggung) dan kekadang segan jugak bila pelancong asing bertanya keadaan masa kini di Malaysia.

Tun, saya amat bangga dengan hasil kerja Tun sepanjang zaman pemerintahan Tun. Sy amat berpuas hati walaupun miskin tapi sy merasa masih dpt sedikit lebih di zaman Tun. Tapi sekarang semua amat terasa serba kekurangan dan sy rasa itulah yg di hadapi rakyat lain yg sama taraf hidup mereka dgn sy.Harapan sy Tun perturunkanlah ilmu Tun memimpin agar dapat terus di guna pakai oleh anak Tun dan menjadi ikutan pemimpin lain supaya kepimpinan kerajaan Malaysia terus mendapat daulat dan disegani oleh negara lain

Saya amat teringin untuk bersalam dengan Tun salam.

3. *daud*

November 22, 2008 at 10:04 pm | [Permalink](#)

salam,tun dan isteri;
apakah akan terjadi kepada kita ;melayu dimasa akan datang?dengan keadaan
sekarang yg tidak menentu dari segi politik/ekonomi.
pemimpin sekarang sudah lalai/leka dlm menaikkan bangsa sendiri.
saya bukannya ahli politik,tetapi dlm keadaan sekarang, saya merayu agar Tun
dapat kembalikan bangsa melayu/malaysia seperti zaman
kegemilangan semasa pemerintahan Tun dulu.
salam

4. *maj z*

September 24, 2008 at 8:37 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun

Saya adalah anggota tentera yang pernah bertugas di Lebanon samasa misi
saya di sana kebanyakan rakyat lebanon mengenali Tun. Bila sebut malaysia
nama yang keluar dari mulut mereka adalah Mahathir Mohamad,,walau pun
saya mengahapi masalah bila sebut nama Tun mereka akan membantu saya
sebaik mungkin. Walau pun Tun di kritkik oleh ahli UMNO dan para menteri
malaysia nama Tun tetap harum di bumi Syria dan Lebenon.Tun sabagia
pejuang umat islam masa kini. Zaman Tun kenaikan harga barang tidak ketara
tapi sekarang cukup menyesakn walaupun kerajaan mengumumkan
penurunan harga minyak harga barang asas tetap tidak turun, saya berharap
suatu hari nanti Tun boleh di lantik semula sebagai penasihat ekonomi negara
supaya kesakitan yang di hadapi rakyat dapat di ubat.Salam sejahtera dan
selamat hari raya aidil fitri.

5. *azhar8888*

September 17, 2008 at 12:58 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,

Apa khabar?...diharap Tun sihat sejahtera hendaknya. Frankly ..if i may
express...im not an ardent believer or seseorg yang meminati politik tanah air
kita tapi .. tapi kebangkitan Tun untuk masuk semula UMNO really had my
mind thinking again.Our nation needs your credibility ...our malays need
you.Tun saya tak pernah mengundi seumur hidup saya...dan saya fikir apakah
relevannya saya membuang undi..because saya rasa negara kita semasa
dibawah pemerintahan jagaan Tun amatlah baik.dan stabil.You had won
malaysian hearts to help to rule Malaysia.Hmmm sekarang ni I had made
efforts to buy newspaper to read about malaysian politics...our malay comunity
politics, Barisan Nasionalthings which never cross my mind..(hehe im not
a newspaper reader anyway in the past.)

Tun you have won my heart and ...would you still be our Prime minister again
for the 2nd time?Please....

6. [*sharifah ika*](#)

September 14, 2008 at 3:54 pm | [Permalink](#)

salam tun..
moga tun dan keluarga sihat..
tun mmg idol sy..since sy kecil..n tak pernah berubah..
saya harap tun dapat masuk semula ke dalam UMNO.
perbetulkan apa yang dilakukan oleh PM kita sekarang.
ahli UMNO sendiri ramai yang dah kecewa dgn UMNO dan MT UMNO
sendiri.
semuanya politik wang..Saya rindukan kepimpinan malaysia di bawah
pimpinan tun..saya juga mahu tun ajar anwar..hanya tun yang layak untuk
berdebat dengan dia..anawr cuba nak musnahkan perpaduan dan keharmonian
malaysia..

7. [*mzh*](#)

September 7, 2008 at 12:51 pm | [Permalink](#)

Saya kagum dgn Tun.Pemimpin la ni pulak bercakap kurang pandai, mudah
jemu kalau kita dengar pemimpin sekarang berucap.ekonomi nampak gaya
macam tak cekap.sudahnya orang kampung panggil parti BN BARANG
NAIK.La ni semua barang naik.beza zaman tun .NAK PROTES PUN 5 THN
SEKALI....MASA P/RAYA.Tunggu pilihanraya seterusnya baru tau tinggi
rendah langit.Semoga Tun sihat sejahtera.

8. [*zaac*](#)

September 6, 2008 at 11:46 pm | [Permalink](#)

assalamualaikum Tun yang amat kami kasihi..
ada antara kawan2 mentertawakan apabila saya amat menyanjungi Tun.. tak
apa...saya tau sbb kawan2 saya tu masih bebal... tapi sebagai rakyat Malaysia
yang bersyukur dan tahu berterima kasih..saya tau sanjungan saya kepada Tun
tu kena pada tempatnya 😊

9. [*FAIZOL*](#)

September 1, 2008 at 1:16 am | [Permalink](#)

salam ramadhan ayahanda & family..
syukur alhamdulillah..sy doakan ayahanda Tun & isteri shat dlm mngharungi ibadah puasa..
sy amat kagum ngn diri ayahanda..
begtu kuat semangat & tabah dlm mngharungi hari2 yng pnuh politik kotor hr ini..
Sy ank M'sia amat bertuah krn dbarkan dbwh kuasa TUn dlu..
amat kagum ngn nama MAHATHIR MOHAMAD..
tp hr ini? knp ini berlaku ayahanda..sy amat sdih99.
amat tkut ngn keadaan M'sia...knp UMNO bgtu lemah.
sy kagum ngn cara ayahanda lakukan ini...
tp syg... knp PM hr ini xbka mata?
slam rindu ayahanda & isteri,
anakandamu...

10. *Ainaq*

August 15, 2008 at 4:24 pm | [Permalink](#)

Saya cadangkan Tun tumpu kepada memimpin OIC
Kerana pemikiran Tun dan Strategi di Perlukan oleh Negara Islam
Kalau Yahudi menghasilkan Protokol of Zion
Saya cadangkan Tun ujudkan Masterplan tindakan yang lebih baik
untuk Kemanusiaan Sejagat dari Sudut Islam
Bagi menjamin kesinambungan kejayaan umat secara tersusun
di segala pelusuk Dunia.
Pengaruh Yahudi dalam bentuk
Kolonialism, Farsism, Sosialism, Komunism, Kapitalism, Imperial Democrasism
sudah gagal di Dunia walaupun telah berjaya menghancurkan kekuatan dan
ekonomi banyak negara
Sadam Hussin dan Iraq adalah satu contoh kegagalan Sosialism dan Pan
Nationalism di Dunia Islam.
Kita perlu rukun tindakan ummah bagi memakmurkan Dunia sebagai
tanggung jawab Muslim.
Kita ada segala sumber Air, Minyak, Tanaman, Tenaga Solar sudah sampai
masanya kita membimbing Dunia dari kehancuran Zionism, Imperilism
, Kapitalism dan Democrasism yang menimbul banyak kemusnahan manusia
sejagat dan menjauhi perintah Allah

11. *pemikir*

July 25, 2008 at 12:10 pm | [Permalink](#)

salam tun..
bg saya tiada "kemenangan didlam kekalahan"..

cuma kt yang mampu memujuk diri sendiri untuk menidakkan “hakikat”.
hendaknya tun akan sentiasa mencari jawapan disegala kemelut yang melanda
UMNO pada hari ini. semoga “pengalaman” itu boleh diwarisi untuk generasi
“cemerlang, gemilang & terbilang” yg akan datang. InsyaALLAH.
mungkin tidak pada hari ini.. tetapi ianya pasti akan tiba seperti mana “mereka”
mengeluarkan “duri dalam daging” terhadap tun “kini dan selamanya”.

12. *williamhoo81*

July 23, 2008 at 4:59 pm | [Permalink](#)

i understand why pak lah says he won. although he lost in PRU12, he will
definitely win back all those states in PRU13.
the strategy he uses is by discontinuing the projects in lost states (you know
which state i mean). this is his ‘way’ he thought he could win back citizen’s
trust in next election by threatening tactics. it’s quite offending using the
word threatening but i couldn’t find any other word to replace it.
the project has been running for some time, before the huge increase in fuel. if
they really care for all rakyat, don’t they need to consider all the consequences
before increasing the petrol price? now their childish reason is increase of
cost, therefore they would need to abandon the project. this is a scenario for
my colleague from bangkok who said the so called menteri are brainless.
i agree why my colleague said so. when government wants to do any decision
that affect rakyat, they need to give suffice reason and not a childish reason
where all ordinary rakyat knows. if their reasons are so ordinary, that means
they are not smart. why we need those not smart people to rule our beloved
country?
really headache with the current ruler, who cares for their own ‘groups’ and
never cared for rakyat.

13. *eiman*

July 17, 2008 at 3:16 pm | [Permalink](#)

asm Tun,
this is the first time i read your blog...
cuma nak bagitau tun, i was born in 1977. dah 2 kali mengundi . masa sekolah
dulu, i did send tun a hari raya card dan tun reply my card, i was 15 at that
time.masa umur muda tu pun, saya sudah suka dan admire kepimpinan
tun...masa tun buat pengumuman nak letak jawatan masa perhimpunan agung
umno, i cried...setiap tahun, saya akan tunggu 2 perkara, ucapan pergulungan
presiden umno (tun) dan ucapan tun semasa pembentangan belanjawan.
tapi, dengan kerajaan sekarang, dah tak ada feel yang sama...rasa dah bosan
dengan bermacam kelemahan...
tun,

please give them some medication...saya yang golongan muda ini cukup risau dengan keadaan semasa. semoga tun dan keluarga akan terus di beri kesihatan yang baik

14. *MelayuKecewa*

July 9, 2008 at 5:47 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun dan semua pembaca blog Tun...

Saya amat kecewa dengan apa yang berlaku terhadap dunia politik kita kini... Saya mengaku bahawa saya bukanlah seorang penyokong politik yang kuat bahkan saya amat tidak mengemari dunia politik... Tetapi saya amat sedih melihat perlakuan mereka yang tidak sedar diuntung ini... Saya ada sedikit pendapat yang ingin saya luahkan...

Saya suka dengan idea demokrasi ini tetapi demokrasi mempunyai banyak kelemahan... Tidak ada negara yang mengamalkan demokrasi ketika ini saya lihat bersatu-padu... Demokrasi sering memecah-belahkan rakyat didalam sesuatu negara... Saya amat menyukai dengan sistem Agong dan Raja di Malaysia ini... Kenapa sistem ini amat lemah sedangkan sistem ini patut diberi kuasa veto supaya Ketuanan Melayu dapat dipertahankan...

Dan ada satu pepatah jika tidak silap saya jika salah tolong betulkan... "raja yang zalim kita sanggah" jadi rakyat juga mempunyai kuasa dalam menolak raja atau sultan yang zalim...

Jadi pendapat saya adalah tidak salah jika institusi raja ini diperkukuhkan untuk mempertahankan ketuanan melayu ditanahnya sendiri...

15. *Amran*

June 29, 2008 at 10:46 pm | [Permalink](#)

Yang terhormat

Adalah mendukacitakan apabila mendengar keputusan yang terhormat telah keluar daripada UMNO. Kami orang melayu Singapura adalah penyokong kuat pada yang terhormat. Yang terhormat adalah melayu contoh pada abad ini dan menjadi idola kami. Moga-moga yang terhormat dan keluarga akan sentiasa berada dalam sihat sejahtera dan dilindungi dan dirahmati oleh Allah SWT.

Hidup Dr Mahathir.....Melayu akan sentiasa maju.....

16. *Amran*

June 29, 2008 at 10:43 pm | [Permalink](#)

Yang terhormat

Adalah mendukacitakan apabila mendengar keputusan yang terhormat telah keluar daripada UMNO. Kami orang Melayu Singapura adalah penyokong kuat pada yang terhormat. Yang terhormat adalah Melayu contoh pada abad ini dan menjadi idola kami. Moga-moga yang terhormat dan keluarga akan sentiasa berada dalam sihat sejahtera dan dilindungi dan dirahmati oleh Allah SWT.

Hidup Dr Mahathir.....Melayu akan sentiasa maju.....

17. *elisebelle tears*

June 29, 2008 at 9:07 pm | [Permalink](#)

assalamualaikum Tun,

saya lahir pada 1981 dan sejak itu saya membesar di bawah kepimpinan Tun. Saya tidak minat pada politik dan secara jujur saya tidak pernah mengundi selama 27 tahun saya hidup kerana saya tidak percaya pada ahli politik. Tetapi saya mahukan pemimpin, bukan sekadar ahli politik yg cakap kosong. Saya hanya percaya kepada kepimpinan Tun dan apa yg saya capai dan ada sekarang ialah hasil usaha Tun. Tun telah memberikan saya inspirasi untuk menjadi seorang Melayu yg rajin, drive yg tinggi untuk mengubah hidup, bukan lagi tipikal Melayu yg kuat merungut dan sentiasa meraih subsidi tanpa mahu berusaha kuat dan bersaing dgn kaum lain. Terima kasih atas usaha Tun selama menjadi Perdana Menteri Malaysia.

18. *SayangKatTun*

June 28, 2008 at 12:51 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Ayah Tun

Saya x kisahlah org nak cakap apa kat Tun. Apa yang saya tahu dalam Malaysia ni saya hanya yakin dengan kepimpinan Tun Sorang je. Seingat saya hanya Tun seorang saje celebrity yang saya sanggup merempuh lautan manusia, sanggup bersesak sekadar untuk bersalam dan melihat muka Tun dari dekat (masa tu saya kat UIA Tun)

Masa belajar kat sana dulu ramai pelajar2 luar negara yang memuji Tun, mereka memang tabik dengan kepimpinan Tun, mereka kagum dengan idea2 Tun.

Dulu kalau pukul 8 malam memang x pernah tinggal nan tengok berita, sebab nak tengok Tun bercakap nak dengar hujah bernas Tun. Tapi sekarang rasa letih nak tengok TV sebab tiap kali keluar muka Pak Lah nak kena tukar channel lain. X tahulah kenapa, tapi memang suka, x nampak kaliber dia selaku pemimpin, lagi2 kalau nak tengok muka menantu dia berucap lagi mual rasa tekak.

Tun, saya doakan agar Allah melindungi Tun dan keluarga, dalam hati saya ni

saya berharap sangat lah yang anak2 Tun akan ada yang boleh ikut jejak langkah Tun untuk memimpin Malaysia ni, terutamanya Mukhriz. Secara jujurnya Tun selepas Tun, saya memang x nampak sapa sapa menteri kat Malaysia ni yang bole memimpin, yang ada ni semua saya x suka, saya teruja nak tengok Mukhriz bangkit dan bakal menerajui negara ni satu hari nanti Ok lah Tun, ada keje nak sambung sikit ni, Tun jaga diri elok2 salam sayang buat keluarga Tun semua.

19. *brother pubs*

June 27, 2008 at 9:53 am | [Permalink](#)

TUN U ARE THE BEST,KEEP IT ON UR SPRIT..

20. *anaknegeri*

June 26, 2008 at 5:55 pm | [Permalink](#)

assalamualaikum Tun,

Saya adalah salah seorang peminat Tun, malahan boleh dikatakan Tun adalah sumber inspirasi saya dalam meneruskan perjalanan hidup di dalam Malaysia yang semakin hari semakin kucar kacir angkara kerja-kerja orang yang tidak bertanggungjawab (tidak perlu dinyatakan lagi).

Saya berasa amat kecewa kerana baru sahaja saya mendaftar sebagai ahli UMNO, Tun tidak lagi bersama kami rakyat yang sedang ditindas secara halus oleh beberapa pemimpin yang tidak langsung ada kepala dan fikiran.

Saya amat berharap yang akan Tun terus ada bersama kami kerana saya dalam kebimbangan dan agak melampau saya katakan saya tidak sanggup kehilangan Tun di bumi Malaysia ini.

Generasi Anda,
anaknegeri

21. *pemuda berjiwa bangsa*

June 25, 2008 at 9:23 pm | [Permalink](#)

kirik salam pada isteri tun. pesan dgn “kak siti” (“ckp saya pesan iye tun”) supaya jaga kesihatan tun.. saya antara rakyat MALAYSIA yang paling amat risau kalau tun masuk hospital. dahlah nak pergi melawat tun kat IJN pun susah.. saya dan seluruh keluarga amat teramat menyayangi tun. walaupun hanya dlm blog sahaja, tapi saya rasakan seperti dekat dgn tun..

22. *pemuda berjiwa bangsa*

June 25, 2008 at 9:16 pm | [Permalink](#)

saya doakan agar tun dan keluarga akan sentiasa sihat dan sejahtera selalu, serta panjang umur. perjuang tun demi memartabatkan kedaulatan negara dan bangsa melayu saya amat sokong 100%. dan saya berharap anak2 tun terutamanya mokhriz mempunyai sifat2 atau mewarisi perjuangan dan kebijaksanaan tun. saya tak akan lupa sampai bila2 bagaimana tun menyelamatkan ekonomi negara dari kegawatan pada tahun 1997 dulu. pada masa itu saya bernasib baik kerana tidak tergolong dalam rakyat yg dibuang kerja. saya akan pastikan anak2 sehinggalah ke seluruh turun temurun keturunan saya kenal siapa perdana menteri MALAYSIA yg paling hebat menerajui negara. saya pohon tun teruskan berjuang supaya NEGARA YANG AMAT SAYA CINTAI INI SENTIASA AMAN DAN MAKMUR. kerana saya berharap supaya nanti anak2 cucu saya tidak akan menjadi seperti "pendatang dibumi sendiri". tapi pesanan saya tun kena pikirkan sekali kesihatan tun. saya sebagai rakyat MALAYSIA bawahan, akan sentiasa menyokong serta berjuang bersama tun walaupun diperingkat akar umbi. tun masih ramai lagi penyokong..

23. *noriyati*

June 25, 2008 at 6:11 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,
Sy rasa sgt sayu & sedih sungguh sehingga mengalir airmata bila mbaca tulisan Tun tntg betapa tidak mengenang budinya mereka terhadap Tun. Walaupun ini bukan kali pertama sy mbacanya kerana sbml ini sy tlg menulis komen pd url Tun sbml ini.
Mmg wajar tindakan Tun. Tetapi hati mrk telah mjadi hitam dan bebal. Langsung tidak merasa malu dgn protes Tun..
Sy & suami 100% akan terus menyokong Tun. Semakin sayang pd Tun dr masa kesemasa.
Setiap hari telah mjadi kewajipan bg sy utk buka blog Tun. Jika tidak sy rs tk lengkap hari sy. Sblm ni sy tk pernah mcmni. Skrg sy dh pandai sikit dgn internet... Macam2 ada rupanya.
Kalau dulu sy byk tk faham dgn apa yg terjadi & mungkin kurang ambil peduli sbb tk faham..skrg ini sy dh mula fahami isu semasa dan mpercayainya sbb Tun menulis dgn cara yg paling senang utk sy fahami.. Yg pentingnya, saya percaya dan yakini apa yg Tun tulis.
Teruskan perjuanganmu Tun. I LOVE U!

24. *R2D2*

June 25, 2008 at 4:14 am | [Permalink](#)

Assalamu'alaikum Tun,

Saya berasa agak terkilan apabila mendapati url blog asal Tun disekat dan semua komen-komen pembaca terdahulu tidak lagi disiarkan. Blog Tun amatlah berguna kerana ianya memberikan satu tempat bagi orang awam seperti saya untuk berhubung terus dengan Tun dan meluahkan hasrat yang terpendam selama ini.

Komen-komen yang telah dibuat oleh pembaca-pembaca juga amatlah berguna kepada pembaca yang yang lain kerana ianya memberikan satu gambaran terhadap pendapat orang kebanyakan secara amnya.

Dengan itu saya amatlah berharap supaya semua komen-komen dahulu dapat disiarkan semula agar ianya boleh dikongsi dengan pembaca-pembaca lain yang baru mula melayari blog Tun ini.

Wassalam,

R2.

Source: <http://chedet.cc/blog/?p=16>